

BORANG SENARAI SEMAKAN

**PANDUAN MEMBUAT PERMOHONAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN DI TASIK DAN WETLAND,
PERBADANAN PUTRAJAYA**

1. Permohonan mestilah dikemukakan secara bertulis kepada:

**Naib Presiden ,
Jabatan Perancangan Bandar
Kompleks Perbadanan Putrajaya
Presint 3
24 Persiaran Perdana
62675 PUTRAJAYA
(u.p. Bahagian Alam Sekitar, Tasik Dan Wetland)**

2. Butir-butir di dalam surat permohonan:-

- | | | |
|-----|---|----------------------|
| 2.1 | Tajuk penyelidikan. | <input type="text"/> |
| 2.2 | Nama, alamat dan nombor telefon serta nombor faksimili penyelidik. | <input type="text"/> |
| 2.3 | Nama, alamat dan nombor telefon serta nombor faksimili penyelia. | <input type="text"/> |
| 2.4 | Nama alamat dan nombor telefon organisasi atau pusat pengajian yang diwakili penyelidik. | <input type="text"/> |
| 2.5 | Mengisi dan melampirkan borang no. PPj/PER/TW/DN/01 seperti perkara 3. | <input type="text"/> |
| 2.6 | Menyedia dan melampirkan laporan cadangan penyelidik seperti perkara 4. | <input type="text"/> |
| 2.7 | Penyelidik hendaklah mematuhi syarat-syarat am kelulusan untuk penyelidikan seperti di lampiran PPj/PER/TW/GP/01 . Surat penyataan ke atas persetujuan mematuhi syarat hendaklah dikemukakan sebelum kajian di Tasik dan Wetland, Putrajaya dimulakan. | <input type="text"/> |
| 3. | Penyelidik hendaklah mengisi borang PPj/PER/TW/DN/01 dan sertakan | <input type="text"/> |
| i. | 2 keping gambar berukuran pasport | <input type="text"/> |
| ii. | 1 salinan kad pengenalan | <input type="text"/> |

4. Penyelidik hendaklah menyertakan laporan cadangan penyelidikan bersama-sama surat permohonan. Butir-butir di dalam cadangan penyelidikan hendaklah termasuk perkara berikut:

4.1 Tajuk penyelidikan

- mencerminkan butiran skop kajian. Selalunya mengambilkira kawasan dan elemen terperinci kajian yang dilakukan.

4.2 Objektif menjalankan penyelidikan

- apakah tujuan penyelidikan dilaksanakan
- menerangkan matlamat dan tujuan penyelidikan
- menerangkan kebaikan dan keperluan dilaksanakan penyelidikan

4.3 'Literature review' dan kajian latarbelakang terdahulu


4.4 Metadologi penyelidikan

- i. Lokasi penyelidikan
- ii. Peta kawasan penyelidikan dan kedudukan penyampelan
- iii. Kaedah penyampelan
- iv. Kaedah analisa makmal, jenis dan cara-cara ujian
- v. Jenis peralatan dan butiran alat yang digunakan
- vi. Kaedah analisa data dan penguraian maklumat
- vii. Jangkamasa penyelidikan dan program kerja ('work schedule')
- viii. Anggaran kos penyelidikan dan pengakuan penanggungan kos
- ix. Rujukan lain

*Sekiranya terdapat penambahan butir-butir lain yang difikirkan perlu mengikut skop penyelidikan sila sertakan di dalam laporan cadangan penyelidikan ini.

**BORANG DAFTAR NAMA
PENYELIDIKAN DI TASIK DAN WETLAND, PUTRAJAYA
PERRBADANAN PUTRAJAYA**

Nama :
No. K/P Baru : e-mail :
No. Telefon : No. Faksimili :
Alamat surat menyurat :
.....



Peringkat kajian : ** Ijazah / Sarjana / PhD

Bidang Kajian Spesifik :

Tajuk kajian :

Tempoh Kajian :(tahun/bulan/minggu/dll)

Jenis kajian :(Research/terms paper/dll)

Berkuatkuasa : sehingga.....

Organisasi/Insitusi :

* Sila sertakan 2 keping gambar terbaru berukuran pasport

** Potong yang mana tidak berkenaan

Diisi oleh penyelia penyelidik

Saya,.....,no.K/P.....,nombor telefon untuk dihubungi.....,e-mail.....mengesahkan bahawa saudara/i adalah di bawah penyeliaan saya. Saya juga akan bertanggungjawab ke atas isi kandungan, kualiti dan arah tuju kajian yang akan dijalankan dan akan memastikan penyelidik berkenaan mengemukakan 2 salinan tesis/laporan kajian dan 1 salinan softcopy (format PDF) bagi setiap kajian berkenaan kepada pihak Perbadanan apabila kajian telah siap.

Tarikh:.....

Tandatangan / Cop

.....
Nama:
Jawatan:

**SYARAT-SYARAT AM MENJALANKAN PENYELIDIKAN DI TASIK DAN WETLAND, PUTRAJAYA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

1. Permohonan mestilah dikemukakan secara bertulis kepada:

**Naib Presiden ,
Jabatan Perancangan Bandar
Kompleks Perbadanan Putrajaya
Presint 3
24 Persiaran Perdana
62675 PUTRAJAYA
(u.p. Bahagian Alam Sekitar, Tasik Dan Wetland)**

2. Penyelidikan hanya boleh dimulakan setelah mendapat kelulusan rasmi daripada PERBADANAN PUTRAJAYA.
3. Tajuk kajian yang disediakan perlu mencerminkan butiran skop kajian merangkumi kawasan kajian yang dilakukan.
4. Perbadanan tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas kajian sekiranya berlaku sebarang kesulitan semasa menyiapkan kajian tersebut.
5. Penyelidik mestilah bertanggungjawab sendiri sepenuhnya dari segi perlindungan keselamatan dan insurans yang berkaitan.
6. Semua kos yang terlibat untuk menjayakan kajian adalah di bawah tanggungjawab penyelidik.
7. Pihak Perbadanan tidak bertanggungjawab untuk menyediakan sebarang peralatan dan tapak untuk kajian.
8. Penyelidik tidak mempunyai hak untuk menerbitkan segala data dan keputusan kajian yang dijalankan kecuali bagi tujuan menyiapkan tesis/laporan kajian sahaja.
9. Perbadanan mempunyai hak ke atas data dan keputusan kajian. Data-data yang hendak dibentangkan pada mana-mana seminar, workshop dan lain-lain yang berkaitan oleh penyelidik perlulah mendapat kebenaran daripada pihak Perbadanan terlebih dahulu.
10. Segala kemajuan kajian tersebut juga perlu dimaklumkan kepada pihak Perbadanan dari masa ke semasa.
11. Hasil kajian para penyelidik tidak semestinya menjadi asas ke atas apa-apa keputusan pengurusan Perbadanan.
12. Pelajar dikehendaki mengemukakan dua (2) salinan tesis/laporan kajian dan 1 salinan softcopy (format PDF) bagi setiap kajian berkenaan kepada pihak Perbadanan apabila kajian telah siap.
13. Syarat-syarat lain akan dikemukakan mengikut keperluan kajian.